

SALAM AIDILFITRI

Demi Sukan SEA, pesilat tidak ikut keluarga Raya di Melaka

▶ **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

APABILA Covid-19 mula menular dua tahun lalu, atlet silat negara, Nur Azlyana Ismail, rasa bingung dan dibelenggu pelbagai cabaran.

Ini antara lain disebabkan pelbagai pertandingan dan acara yang ditunda serta penyesuaian yang terpaksa diambil terhadap latihannya.

"Saya bergiat dengan pasukan nasional sejak di darjah lima dan sudah biasa sibuk membuat persiapan bagi pertandingan dan acara seni di luar negara.

"Apabila semuanya tiada selama dua tahun ini, ia boleh menjejaskan kesihatan mental juga.

"Sebagai atlet, saya tak pasti apakah matlamat saya ketika itu, saya tak tahu bila Sukan SEA dan Kejohanan Dunia seterusnya akan diadakan, jadi saya berlatih untuk apa?" ujar Nur Azlyana, 24 tahun, yang akan bertanding dalam kategori Seni Ganda Puteri di Sukan SEA di Hanoi, Vietnam, dari 12 hingga 23 Mei.

Digandingkan dengan pasangan yang baru selepas pasangannya sebelum ini meninggalkan skuad negara pada Mac 2020, beliau

pada mulanya juga khuatir sama ada beliau boleh serasi dengan pasangan barunya itu, lebih-lebih lagi apabila mereka hanya boleh berlatih secara dalam talian menerusi Zoom semasa tempoh pemutus rantaian jangkitan selama sekitar dua bulan pada 2020.

Akhirnya, beliau memutuskan untuk berhenti menghadiri latihan selama tiga hingga empat bulan.

Ketika itu, Nur Azlyana yang sedang mengikuti pengajian ijazah bidang penerbitan Universiti RMIT di Institut Pengurusan Singapura (SIM) juga mula bekerja sambilan dalam bidang jualan dan pemasaran.

Namun, anak bongsu daripada keluarga tiga beradik itu tetap merasakan kekosongan dalam jiwanya.

"Saya mahu mengalihkan tumpuan saya (daripada silat) tetapi saya rasa ada yang masih tidak lengkap.

"Saya ingat lagi semasa Hari Raya tahun lalu, seorang rakan sepasukan saya ajak saya keluar makan dan mengingatkan saya bahawa masih ada orang yang yakin akan kebolehan saya," ujarnya.

Ini membakar semangatnya untuk kembali berlatih.

"Apabila saya kembali, saya tahu apa yang saya mahu. Saya mahu kembali berlatih dengan pasangan saya dan memberi kami peluang untuk mencuba.



TETAP CERIA: Cik Azlyana (duduk, paling kanan) bersama keluarga termasuk ibu, kakak dan anak saudara tetap ceria meskipun Cik Azlyana akan berangkat ke Vietnam dalam beberapa hari untuk bertanding dalam Sukan SEA. – Foto BH oleh KHALID BABA

"Dengan banyak sekatkan yang kini dilonggarkan, kami juga teruja untuk menyertai pertandingan antarabangsa bersama pada masa akan datang," kata Nur Azlyana.

Sukan SEA akan datang sememangnya amat bermakna bagi beliau dan pasangannya, Sharifah Shazza Samsuri, 22 tahun.

Ini merupakan kali pertama Sharifah Shazza menyertai Sukan SEA dan kali pertama beliau bertanding dalam kategori Seni Ganda Puteri di peringkat antarabangsa.

"Saya gembira dipilih bertanding di Sukan SEA dan ini amat bermakna bagi saya kerana saya telah banyak berkorban untuk berada di kedudukan ini.

"Semasa pandemik, kami juga menyertai beberapa pertandingan menerusi dalam

talian dan ini memberikan saya pendedahan serta pengalaman untuk mempersiapkan bagi pertandingan lebih besar," ujarnya.

Meskipun beliau pernah bertanding dalam Sukan SEA sebelum ini dan pernah meraih pingat perak semasa Sukan SEA di Malaysia pada 2017, Nur Azlyana pula berkata Sukan SEA tahun ini amat penting baginya kerana ini peluang baginya menilai pesaingnya di gelanggang selepas sudah lama tidak bertemu mereka.

"Dua tahun sudah berlalu... mereka mungkin telah mengubah langkah atau bertukar pasangan seperti saya, jadi tentunya Sukan SEA kali ini akan menjadi pengalaman membuka mata bagi saya," ujar beliau.

Nur Azlyana tidak bertanding dalam Sukan SEA 2019 di Filipina kerana kategorinya tidak dipertandingkan ketika itu.

Oleh itu, beliau ghairah bertanding di Sukan SEA akan datang, meskipun beliau akan berangkat ke Hanoi pada hari keenam Hari Raya.

"Sedih sedikit kerana ibu bapa saya balik kampung untuk beraya dengan nenek saya di Melaka tahun ini.

"Dah dua tahun saya tak dapat jumpa nenek dan tahun ini apabila sekatkan sudah dilonggarkan dan kami boleh beraya beramai-ramai, saya tidak boleh bersama keluarga pula.

"Tapi ini pengorbanan saya dan saya bersyukur keluarga saya terus memberi sokongan," ujarnya sambil menambah, beliau merancang melawat neneknya selepas Sukan SEA nanti.

Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah

Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri
1443H/2022M

Terima kasih di atas sokongan anda. Semoga Allah swt menerima puasa, zakat dan amalan anda Ramadan ini.

Derma Di Kaunter
BUKA Isnin - Jumaat: 9 pagi - 5 petang

GIRO
Hubungi kami untuk penghantaran borang GIRO

Pengambilan Derma
Hubungi 6744 4749 untuk pengambilan derma dari rumah

Pindahan Wang
OCBC 591-107-032-001
Kirimkan nama, alamat dan nombor telefon anda ke admin@mai.sg untuk madrasah sampaikan salinan resit derma

Kirimkan Cek
Kirimkan cek ke alamat kami atas nama: 'Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah'. Tulis nama, alamat dan nombor telefon anda di belakang cek untuk salinan resit

PayNow
Derma menerusi PayNow di aplikasi perbankan dengan UEN T08GB0028LMAI

3 Lorong 6 Toa Payoh, SG 319378 | Tel: 6744 4749 f Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah @madrasahalarabiah mai.edu.sg | #itsMAIlife

TERIMA KASIH ATAS SOKONGAN ANDA



kerana membela nasib lebih 1,500 individu yang memerlukan

"Kami di MTFA menghargai jasa anda semua atas sumbangan yang dihulurkan. Walaupun kita semua masih mengharungi fasa pemulihan Covid-19, marilah bersama kami untuk melangkah dan menuju ke hadapan dengan penuh harapan. Semoga benih kebaikan yang kita semai hari ini dengan keikhlasan akan menjanjikan esok yang lebih cerah buat kita semua,"

- Encik Wasim Abdul Majeed, Presiden MTFA

"Kami bersyukur atas segala bantuan yang dihulurkan kepada kami. Terima kasih yang tidak terhingga kami hulurkan untuk para sukarelawan, penderma dan semua yang telah membantu.

Semoga Ramadhan tahun ini menjadi lebih bermakna dan kita semua senantiasa dipayungi RahmatNYA,"

- Encik Abdul Rahman Bin Mohd Hanipah, Naib Presiden MTFA




Semaikanlah kesyukuran. Bersama kita membantu mereka yang memerlukan.

Imbas kod QR untuk menderma



Kaedah pembayaran:



Wang Tunai



Kad Kredit



Cek



PayNow

Muslimin Trust Fund Association (MTFA) ditubuhkan pada tahun 1904.